

18 MAR 2000

Kadir-MAS/I

LEBIH BANYAK PENERBANGAN KE KUALA LUMPUR DARI BELANDA

Oleh: Wan A.Hulaimi

AMSTERDAM, 18 Mac (Bernama) -- Penerbangan Malaysia (MAS) dan syarikat penerbangan Diraja Belanda KLM merancang untuk menambah jumlah penerbangan ke Malaysia dari 10 penerbangan seminggu pada masa ini kepada 21 penerbangan dalam tempoh tiga tahun lagi, kata Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

"Terdapat rancangan untuk menambah penerbangan tersebut bagi memasukkan destinasi baru seperti Sabah dan Sarawak, dan juga penerbangan terus ke Kuala Lumpur," katanya kepada Bernama selepas menghadiri seminar pelancongan Malaysia kedua di sini Khamis.

Seminar itu dihadiri kira-kira 150 pengusaha pelancongan tempatan dan promoter dari Malaysia.

Beliau berkata tambahan penerbangan itu bagi memenuhi peningkatan pelancong yang ingin melawat Malaysia.

"Pengusaha pelancongan di sini sebenarnya mengurangkan pakej pelancongan ke Malaysia kerana jumlah penerbangan tidak mencukupi," kata Kadir.

Kadir yang tiba di sini Khamis akan berlepas dari sini ke London, Manchester, Glasgow dan Paris untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan.

Kadir berkata selain penerbangan MAS dan KLM terdapat juga dua penerbangan sewa khas seminggu dari sini ke Pulau Pinang dan Langkawi oleh syarikat penerbangan Martin Air.

"Usaha Malaysia untuk menambah jumlah pelancong ke Malaysia memerlukan penambahan jumlah penerbangan termasuk kemungkinan meminta MAS memberikan tambang khas dan mendapatkan pengusaha sewa khas tempatan untuk bekerjasama dengan Martin Air," katanya.

Menurut statistik yang diberikan menteri itu jumlah pelancong ke Malaysia dari sini telah bertambah dari 21,564 orang dalam tahun 1998 kepada 25,000 orang tahun lepas, iaitu kenaikan sebanyak 15.9 peratus.

Sebelum ini jumlah pelancong terbesar yang datang ke Malaysia dari Eropah barat ialah dari United Kingdom dan Jerman, manakala peningkatan dari Netherlands berikutan "mereka menemui kita", kata beliau.

Beliau berkata pelancong yang datang dari Netherlands membabitkan tidak hanya rakyat Belanda tetapi juga dari Perancis dan Eropah timur.

Kadir berkata Perancis masih menimbangkan permintaan MAS untuk tambahan hak pendaratan, perkara itu telah dibangkitkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa pertemuan beliau dengan Presiden Chirac baru-baru ini, sementara itu Lufthansa telah menamatkan khidmat penerbangannya ke Kuala Lumpur.

Dalam ucapannya Kadir menekankan aspek kemasyarakatan Malaysia sebagaimana yang terkandung dalam slogan pelancongan Malaysia yang terbaru "Malaysia, sesungguhnya Asia".

"Ia adalah destinasi yang bernilai, penduduknya mesra, selamat dan makanan terbaik Asia terdapat di sini. Tidak menghairankan pembaca UK Sunday Times memilih Malaysia sebagai destinasi pertama mereka sejajar dengan pelbagai makanan yang terdapat di sini," katanya.

Juga berucap pada seminar itu Naib Presiden MAS bagi Jualan Penumpang Datuk Rashid Khan yang berkata MAS sedang berusaha ke arah peningkatan jumlah pelancong dari Amsterdam dengan menggunakan pesawat 747 berbanding 777 sebelum ini, dalam usaha menabuh sebanyak 700 lagi tempat duduk setiap minggu.

Wakil dari lapangan terbang Schipol di Amsterdam, Wilco Sweijen, memberi tahu peserta seminar 29.3 peratus purata pertumbuhan penerbangan dari Amsterdam ke Malaysia, yang tertinggi bagi aliran ke Timur Jauh, dan Kuala Lumpur adalah destinasi yang ketujuh dari sini ke Timur Jauh.

Berbanding destinasi-destinasi lain dari Schipol, Malaysia menduduki tempat kesepuluh, kenaikan empat anak tangga dari kedudukan nombor 14 pada tahun 1995.

Beliau berkata lebih ramai lelaki berbanding wanita yang datang ke Malaysia, masing-masing 61 peratus dan 39 peratus, dan daripada jumlah itu 64 peratus adalah mereka yang bercuti.

Beliau berkata jumlah pelancong yang pergi ke Malaysia meningkat tahun lepas, lebih 80 peratus dalam tempoh enam bulan.

"KLIA mempunyai ciri-ciri yang memberangsangkan dan ia kian menjadi pintu masuk ke Asia Tenggara, katanya.

--BERNAMA

WAH RI